

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN JAWAB
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HISHAMMUDDIN BIN TUN
HUSSEIN [SEMBRONG]**

SOALAN NO. 177

Minta **MENTERI TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk meningkatkan kebergantungan terhadap sumber tenaga boleh perbaharu sebagai komitmen memperbaiki perubahan iklim berikutan Kertas Polisi “Existential climate-related security risk” dari kumpulan pemikir Australia “Breakthrough - National Centre for Climate Restoration” yang menggariskan jumlah peningkatan suhu dunia adalah sebanyak 3° celcius yang bakal mengakibatkan situasi bahang haba melebihi 100 hari setiap tahun di Asia Tenggara menjelang 2050.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan komited dalam membangunkan sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB) dalam penjanaan elektrik bagi memastikan kelestarian industri pembekalan elektrik negara, di samping menangani isu perubahan iklim. Ini terbukti melalui langkah Kerajaan menetapkan sasaran 20% campuran kapasiti TBB dalam pembekalan elektrik negara menjelang tahun 2025.
2. Bagi mencapai sasaran tersebut, Kerajaan telah memperkenalkan inisiatif-inisiatif seperti berikut:
 - (i) mekanisme *Feed in Tariff* (FiT) yang membolehkan pengguna elektrik memasang sistem penjanaan tenaga melalui TBB dan

menjual tenaga yang dihasilkan kepada syarikat utiliti pada harga tarif premium;

- (ii) *Net Energy Metering (NEM)* dan *Supply Agreement with Renewable Energy (SARE)* untuk memangkin penjanaan solar atas bumbung; dan
- (iii) Program Solar Berskala Besar (*Large Scale Solar-LSS*)

3. Peningkatan peratusan TBB kepada 20% dalam penjanaan elektrik ini dijangka akan mengurangkan *emission intensity* sebanyak 45% pada tahun 2030, berbanding tahun asas 2005, iaitu bersamaan dengan pengurangan pembebasan 17.3 juta tan CO₂ setahun.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH
[BESUT]**

SOALAN NO. 178

DATO' SERI HAJI IDRIS BIN JUSOH [BESUT] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan berapakah jumlah peruntukan yang telah disalurkan dari RM6.65 juta peruntukan yang telah diluluskan untuk Hospital Besut; dan perincian perolehan yang digunakan bagi tujuan naik taraf wad kebergantungan tinggi serta peralatan perubatan untuk hospital tersebut.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Daripada peruntukan berjumlah RM6.65 juta yang diluluskan, RM5 juta adalah untuk Pembinaan High Dependency Ward. Manakala RM1.5 juta lagi diperuntukkan bagi tujuan perolehan peralatan setelah projek ini siap kelak. Pada amalnya proses perolehan peralatan akan bermula apabila pembinaan fizikal projek mencapai 70%. Daripada jumlah kos yang diperuntukan, sebanyak RM272,259 telah pun dibelanjakan bagi tujuan pelantikan perunding projek ini. Proses pengiklanan tender projek ini dijangka pada bulan Julai tahun 2019 dan kerja-kerja di tapak bermula pada awal tahun 2020.

Sekian, terima kasih.